

BAB DUA

BAB KEDUA

RIWAYAT HIDUP AL-NASAFĪ DAN AL-JALĀLAYN

2.1 Riwayat Hidup Al-Nasafī

2.1.1 Nama Dan Asal Usulnya

Nama lengkap bagi al-Nasafī ialah ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Maḥmūd al-Nasafī, Ḥāfīz al-Dīn atau ‘Allāmah al-Dunyā¹ Abū al-Barakāt.² Tarikh sebenar kelahirannya tidak dapat dikesan kerana dalam catatan riwayat hidupnya hanya disebut tahun meninggalnya sahaja. Beliau berasal dari Īzaj³ iaitu sebuah kampung kecil yang terletak di antara dua buah bandar Khuzistān⁴ dan Aṣṣāhān.⁵

Perkataan al-Nasafī adalah dinisbahkan kepada suatu tempat yang bernama Nasaf di daerah Sind⁶ yang terletak di antara Jayhūn⁷ dan Samarqand.⁸

¹ Syihāb al-Dīn Aḥmad bin ‘Alī bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Aḥmad bin Ḥajar al-‘Asqalānī (t.t.), *Al-Durar al-Kāminah fī A’yān al-Mi’ah al-Thāminah*, j. 2. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 247.

² Khayr al-Dīn al-Zaraqley (t.t.), *al-A’lām*, j. 4. Beirut: Dār al-‘Ilmi al-Malāyīn, h. 67. Lihat juga; Ismā’īl Basyā al-Baghdādī (1951), *Ḥadiyyah al-‘Arifīn Asmā’ al-Mu’allifīn wa Athār al-Muṣannifīn*, j. 1. Istanbul: Maṭba’ah Wakālah al-Ma’ārif, h. 464; Abū al-‘Adl Zayn al-Dīn Qāsim Ibn Qatlubghā (1962), *Tāj al-Tarājum fī Ṭabaqāt al-Ḥanafīyyah*. Baghdād: Maṭba’ah al-‘Ānī, h. 30.

³ Yāqūt bin ‘Abd Allāh al-Ḥamawī al-Rūmī al-Baghdādī (t.t.). *Mu’jam al-Buldān*, j. 1. Beirut: Dār Ṣādir, h. 288.

⁴ Khuzistan adalah salah sebuah daerah di Negara Iran. Dahulunya dipanggil “Susiance” dan kini dikenali sebagai ‘Arabastan. Lihat; Ferdinand Totel (1960). *al-Munjid fī al-Ādāb wa al-‘Ulūm*. Beirut: al-Matba’ah al-Katholikiyyah, h. 183.

⁵ Aṣṣāhān adalah salah sebuah bandar yang terkenal di Negara Iran. Dahulunya menjadi ibu kota bagi golongan Ṣafawīyyūn iaitu golongan yang berasal daripada raja-raja Farsi setelah ditakluki Islam. *Ibid.* h. 306, dan lihat juga; al-Baghdādī (1951), *op.cit.*, h. 206-210.

⁶ Sind adalah salah sebuah daerah di Pakistan Barat. *Ibid.* h. 265.

⁷ Jayhun adalah nama bagi sebatang sungai di Negeri Khurasan. Sungai ini dikenali juga dengan nama sungai Amudaria, dahulunya dipanggil Sungai Oxus. *Ibid.* h. 35.

⁸ Samarqand pula adalah salah sebuah bandar dalam Republik Uzbekistan, Soviet Russia. *Ibid.* h. 262.

Al-Imām al- Nasafī adalah antara ulama Hanafi yang terkenal dalam berbagai bidang ilmu termasuk *Fiqh*, *Uṣūl al-Fiqh*, *Uṣūl al-Dīn* dan *Tafsīr al-Qur'ān*.⁹

2.1.2 Guru-Gurunya

Al-Nasafī dikenali sebagai seorang imam yang muktabar dan salah seorang ulama mazhab Hanafi yang masyhur. Di atas keistimewaan tersebut, maka sudah tentu beliau banyak menimba ilmu dan pengalaman daripada ramai ulama yang hidup sezaman dengannya.

Di antara guru-gurunya yang terkenal adalah Syams al-A'imma al-Kurdari¹⁰ khususnya dalam bidang *Fiqh*, Ḥumayd al-Dīn al-Darī¹¹ 'Alī bin Muḥammad bin 'Alī al-Bukhari,¹¹ Aḥmad bin Muḥammad al-'Atābi¹² dan ramai lagi ulama yang pakar dalam pelbagai bidang ilmu.¹²

2.1.3 Keperibadiannya.

Al-Imām al-Nasafī sama juga sepertimana ulama besar dan masyhur lainnya; bersifat zuhud, salih dan takwa. Lebih-lebih lagi apabila beliau telah menumpukan sepenuh hidupnya dalam usaha mendalami ilmu pengetahuan, menjalankan kajian dan penyelidikan sehingga dengan itu beliau menjadi lebih

⁹ 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1990). *al-Qur'ān wa al-Nabī* c. 3, Kaherah : Dār al-Ma'ārif, h. 104.

¹⁰ Nama lengkapnya, Muḥammad 'Abd al-Sattār bin Muḥammad al-'Imādi al-Kurdari. Beliau meninggal di Bukhara pada hari Jumaat 9 Muharram tahun 642 H. Lihat, Tāsy Kubrī Zādah (1961), *Ṭabaqāt al-Fuqahā*. c. 2, Mouṣil : Maṭba'ah al-Zahrā' al-Ḥadīthah, h. 107.

¹¹ *Ibid*, h. 112.

¹² Ibn Ḥajar al-'Asqalāni (t.t.), *op.cit.*, h 247, dan lihat ; Ibn. Qatlubghā (1962), *op. cit*, h. 30.

terkenal daripada segi ilmunya dan kehebatannya tersebar luas baik pada zamannya mahupun zaman selepasnya.¹³

Memang, Allah S.W.T telah memberkati segala hasil usaha dan hasil karyanya. Hasil karya beliau telah menjadi bahan rujukan para penyelidik, bahan kajian kepada para pengkaji dan sekaligus menjadi buku teks para pelajar. Yang demikian adalah kerana tulisannya cukup teliti dan mendalam serta meyakinkan, padat, ringkas dan tepat.¹⁴

Al-Imām al-Nasafī adalah di antara tokoh ulama Ahli Sunnah yang mempunyai pendirian yang amat keras dan tegas dalam menolak sebarang penyelewengan terhadap pentafsiran al-Qur'an terutama apa yang terkandung dalam *Tafsīr al-Kasysyāf*. Tulisannya tidak hanya terbatas kepada penolakan fahaman Muktazilah yang didapatinya dalam *Tafsīr al-Kasysyāf* sahaja, malah menyeluruh dalam setiap tulisan al-Zamakhsharī dalam berbagai kitabnya yang lain.¹⁵

2.1.4 Hasil Karyanya.

Al-Imām al-Nasafī banyak menghasilkan karya dalam berbagai bidang ilmu termasuk *Fiqh*, *Uṣūl*, *Ḥadīth* dan *Tafsīr*. Di bawah ini disenaraikan beberapa buah karyanya yang masyhur dalam bidang-bidang tertentu.

¹³ Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1990). *op.cit.*, h. 104.

¹⁴ Muni⁹ Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1978). *Manāḥij al-Mufasssirīn*. Kaḥerah : Dār al-Kutub al-Miṣrī, h. 216.

¹⁵ *Ibid.*

A. Bidang *Uṣūl al-Dīn*

1. *ʿTimād al-ʿFtiqād*¹⁶
2. *ʿUmdah al-ʿFtiqād*¹⁷
3. *Al-ʿTimād Syarḥ al-ʿUmdah*¹⁸
4. *Al-Laʿālī al-Fakhīrah fī ʿUlūm al-Akhīrah*¹⁹

B. Bidang *Uṣūl al-Fiqh*

1. *Manār al-Anwār fī Uṣūl al-Fiqh*²⁰
2. *Kasyf al-Asrār Syarḥ al-Manār*²¹

C. Bidang *Fiqh*

1. *Faḍāʾil al-Aʿmāl*²²
2. *Al-Mustawfā fī al-Furūʿ*²³
3. *Syarḥ fī al-Muntakhab fī Uṣūl al-Madhhab*²⁴
4. *Al-Muṣtaṣfa fī Syarḥ Manẓūmah*²⁵
5. *Syarḥ al-Hidāyah fī al-Furūʿ*²⁶

¹⁶ Muṣṭafā bin ʿAbd Allāh al-Qaṣṭanīnī, Hājī Khalīfah (1990), *Kasyf al-Ẓunūn ʿan Asmāʾ al-Kutub wa al-Funūn*, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 119.

¹⁷ *Ibid.*, j. 2, h. 1168.

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Al-Baghdādī (1951), *op.cit.*, h. 646.

²⁰ Hājī Khalīfah (1990), *op.cit.*, h. 1823.

²¹ *Ibid.*

²² *Ibid.*, h. 1274.

²³ *Ibid.*, h. 1675.

²⁴ Kitab ini adalah hasil tulisan Hisyām al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Akhsikathī. *Ibid.*, h. 1849.

²⁵ Kitab ini sebagai syarah bagi kitab *Manẓūmah al-Nasafī fī al-Khilāf* oleh Abū Ḥafṣ ʿUmar bin Muḥammad bin Aḥmad al-Nasafī (m. 537H.), *Ibid.*, h. 1867.

²⁶ Kitab *al-Hidāyah* ini adalah karangan Burhān al-Dīn ʿAlī bin Abi Bakr al-Marghinī al-Ḥanafī (m. 593H.), *Ibid.* h. 2034. Lihat juga; al-Baghdādī (1951), *op.cit.*, h. 464 dan Ibn Qutlubgha (1962), *op.cit.*, h. 30.

6. *Al-Muṣaffa fī Mukhtaṣar al-Muṣtafā*²⁷

7. *Fiqh al-Ḥanafī*

8. *Kanz al-Daqa'iq*²⁸

9. *Al-Wāfi*²⁹

10. *Al-Kāfi fī Syarḥ al-Wāfi*³⁰

D. Bidang *Tafsīr al-Qur'ān*

1. *Madārik al-Tanzīl wa Ḥaqā'iq al-Ta'wīl*³¹

E. Lain-lain

1. *Al-Manāfi*³²

2.1.5 Kematiannya.

Berdasarkan sumber-sumber rujukan yang ada, maka tarikh kematiannya tidak dapat dipastikan dengan tepat. Ada yang mengatakan bahawa beliau meninggal dunia pada malam Jumaat bulan Rabiulawwal tahun 701 H, di suatu tempat yang dipanggil 'Izaj dan dikebumikan di sana.³³ Sementara sumber yang lain mengatakan bahawa beliau meninggal pada tahun 710 H bersamaan dengan

²⁷ al-Bahgdādī (1951). *op.cit.*, h. 646.

²⁸ Ḥajī Khalīfah (1990). *op.cit.*, h. 1515.

²⁹ *Ibid.* h. 1997.

³⁰ *Ibid.*

³¹ *Ibid.* h. 1640.

³² Kitab ini adalah syarah bagi kitab *Al-Nafi* oleh al-Samarqandī (m. 656H). *Ibid.* h. 1922. Lihat juga; Taqiyy al-Dīn bin 'Abd al-Qadīr al-Ghizzī (1983), *Ṭabaqāt al-Sāniyyah fī Tarājum al-Ḥanāfiyyah*, j. 4. Riyadh: Dār al-Rifā'i, h. 154-155.

³³ Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (t.t.), *op.cit.*, h. 247. Lihat juga; Al-Ghizzī (1983), *op.cit.*, h. 155 dan Muḥammad Husayn al-Dhahabī (1976), j. 1, *al-Tafsīr wa al-Mufasssirūn*. Kaheerah: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah, h. 304.

tahun 1310 M.³⁴ Berdasarkan catatan dalam *Tabaqāt al-Fuqaha'* pula, al-Imām al-Nasafī dikatakan meninggal pada malam Jumaat bulan Rabiulawwal tahun 751H.³⁵

2.2 Biodata al-Imām al- Jalālayn

Perkataan *al-Jalālayn* dalam bahasa Arab bermaksud dua *Jalāl* yakni dua orang yang bergelar *Jalāl* iaitu Jalāl al-Dīn al-Maḥallī dan Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī. Dengan yang demikian bererti nama bagi kitab tafsir ini adalah dinisbahkan kepada kedua-dua orang pengarangnya yang bergelar Jalāl al-Dīn.

2.2.1 Riwayat Hidup Jalāl al-Dīn Al-Maḥallī

a. Nama, Gelaran dan Tempat Lahirnya.

Nama penuh beliau ialah Muḥammad bin Aḥmad bin Ibrāhīm³⁶ bin Aḥmad bin Hāsyim³⁷ al-Maḥalli. al-Maḥalli adalah nisbah kepada tempat asalnya iaitu al-Maḥallah al-Kubrā sebuah bandar di sebelah barat kota Kaherah, Mesir.³⁸ Beliau juga dikenali sebagai seorang Arab berketurunan Taftāzan,³⁹ iaitu sebuah perkampungan besar di daerah Khurāsān.⁴⁰

³⁴ 'Umar Riḍā Kahhalah (t.t.), *Mu'jam al-Mu'allifīn Tarājūm Muṣannifī al-Kutub al-ʿArabiyyah*. Beirut : Dār Iḥyā' al-Turāth al-ʿArabī, h. 32 dan al-Zaraqley (t.t.). *op.cit.*, j. 5, h. 333.

³⁵ Tāsī Kubrī Zādah (1961), *op.cit.*, h. 113.

³⁶ Abū al-Falāḥ 'Abd al-Ḥayy bin 'Imād al-Ḥanbalī (1351H). *Syadharāt al-Dhahab fī Akhbār man Dhahab*. j. 7. Kaherah : Maktabah al-Qudsi, h. 303 ; Khayr al-Dīn al-Zaraqley (t.t.). *op.cit.*, j. 5, h. 333.

³⁷ Syams al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Raḥmān al-Sakhāwī (t.t.), *Al-Ḍaw' al-Lāmi'*, j. 7. Beirut : Mansyūrāt Dār Maktabah al-Ḥayyah, h. 39 ; 'Umar Riḍā Kahhalah (t.t.). *op.cit.*, j. 8, h. 311.

³⁸ *Ibid*.

³⁹ Ibn al-ʿImād (1351H), *op.cit.*, h. 303.

⁴⁰ al-Baghdādī (t.t.), *op.cit.*, j. 2, h. 35.

Al-Imām al-Mahallī dilahirkan pada awal bulan Syawal tahun 791 H di Kaherah, Mesir.⁴¹ Beliau adalah salah seorang ulama yang bermazhab Syafī⁴². Beliau cukup terkenal dalam bidang Tafsir, *Fiqh*, *Ilmu Kalam*, *Uṣūl*, *Naḥu* dan *Manṭiq*.⁴³

b. Sejarah Hidup dan Pekerjaannya

Al-Imām al-Mahallī dibesarkan di Kaherah tempat kelahirannya. Pada peringkat awal pendidikannya, beliau mempelajari al-Qur'an, kitab-kitab di samping minatnya yang tinggi untuk mendalami beberapa bidang ilmu yang lain. Akhirnya beliau dikenali lebih terkedepan daripada kawan-kawannya yang lain. Yang demikian menjadikan pencapaiannya dalam beberapa bidang ilmu *'Aqliyyah* dan *Naqliyyah* cukup memuaskan.⁴⁴

Namun begitu, Al-Imām al-Mahallī tetap menjalani liku-liku hidupnya sebagai seorang biasa. Pernah seketika beliau bekerja sebagai penjual roti di beberapa buah kedai, dan kemudian tugas itu diserahkan kepada seseorang untuk mengerjakannya.⁴⁵

Dengan berbuat demikian, beliau dengan sendirinya dapat menumpukan sepenuh masa dan tenaganya dalam bidang penulisan, pengajaran dan pembacaan.

⁴¹ al-Sakhāwī (t.t.), *op.cit.*, j. 7, h. 39. Lihat juga; Ibn al-ʿImād (1351H), *op.cit.*, h. 303 ; al-Zaraqley (t.t.), *op.cit.*, h. 333.

⁴² Syams al-Dīn Muḥammad bin ʿAlī bin Aḥmad al-Dawūdī (1972), *Ṭabaqāt al-Mufasssīrīn*. Kaherah : Maktabaʿah Wahbah, h. 80.

⁴³ Kaḥḥālāh (t.t.), *op.cit.*, h. 311.

⁴⁴ al-Sakhāwī (t.t.), *op.cit.*, h. 40-41.

⁴⁵ *Ibid*.

Justeru, beliau telah berhasil menulis syarah bagi kitab-kitab *Jam' al-Jawāmi'*, *al-Waraqāt* dan *al-Minhāj*.⁴⁶

Selain daripada itu, al-Imām al-Maḥallī juga pernah mengajar ilmu *Fiqh* di al-Madrasah al-Barqūqiyah menggantikan Syaykh Syihāb al-Dīn al-Kurānī. Beliau pernah ditawarkan jawatan hakim, tetapi beliau enggan menerimanya dengan alasan tidak mampu memikulnya. Padahal sebenarnya beliau pernah memberi tahu kepada sahabat-sahabatnya bahawa sesungguhnya beliau tidak mampu berhadapan dengan api neraka. Beliau adalah seorang imam, ulama dan berfikiran tajam. Seumur hidupnya beliau berkesempatan menunaikan ibadat haji beberapa kali.⁴⁷

c. Keperibadian dan Sikapnya Terhadap Pemerintah.

Al-Imām al-Maḥalli memang dikenali sebagai pemimpin pada zamannya yang komited dengan jejak langkah para ulama salaf baik daripada segi kewarakan peribadinya, keberanian membuat perubahan, menyuruh yang makruf dan mencegah yang mungkar. Beliau berani berhadapan dengan para pembesar yang zalim dan juga pemerintah. Pernah pembesar-pembesar kerajaan datang untuk menemuinya, tetapi tidak diberi perhatian olehnya, malah tidak dibenarkan mereka itu masuk ke dalam rumahnya. Beliau seorang yang sangat tegas terutama pada kata-katanya tanpa berlembut hati kepada sesiapa pun jua.⁴⁸

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ Ibn al-ʿImād (1351H). *op.cit.*, h. 304. Lihat juga ; Syams al-Dīn Muḥammad bin ʿAlī bin Aḥmad al-Dawūdī (1972). *op.cit.*, h. 81 ; al-Zaraqley (t.t.). *op.cit.*, h. 333

d. Pendidikan dan Kepakarannya

Al-Imām al-Maḥallī adalah pakar dalam beberapa bidang ilmu iaitu *Fiqh*, *Ilmu Kalam*, *Uṣūl*, *Nahu*, *Manṭiq* (logika) dan lain-lain lagi. Beliau seorang yang sangat pintar sehingga beliau pernah berkata: Sesungguhnya kefahamanku tidak akan salah.⁴⁹

e. Guru-Gurunya

Sebagai seorang ulama yang memiliki kepakaran dalam beberapa bidang ilmu tentunya banyak pula guru-guru yang ditemuinya. Antara mereka adalah sebagai berikut :

1. Al-Syams al-Barmāwī dalam bidang *Fiqh*, *Uṣūl* dan Bahasa Arab
2. Al-Bayjūrī dalam bidang *Fiqh*
3. Al-Jalāl al-Bulqīnī dalam bidang *Fiqh*
4. Al-Walī al-‘Irāqī juga dalam bidang *Fiqh*
5. Al-‘Izz bin Juma‘ah dalam bidang *Usul*
6. Al-Syihāb al-‘Ujaymī, cucu Ibn Hisyām dalam bidang *Nahu*
7. Al-Syams al-Syanūfī dalam bidang *Nahu*
8. Nāṣir al-Dīn bin Anas al-Miṣrī al-Ḥanafī dalam bidang *Farā’id* dan *Matematik*
9. Al-Badr al-Aqsira’ī dalam bidang *Manṭiq*, Bahasa, *Ma‘ānī*, *Bayān*, *‘Arūḍ* dan *Uṣūl Fiqh*
10. Al-Basatī dalam bidang *Tafsir* dan *Uṣūl al-Dīn*

11. Al-^cAlā' al-Bukhārī dalam beberapa kitab yang dibacakan kepadanya.⁵⁰

Selain daripada itu, Al-Imām al-Maḥallī pernah menghadiri majlis-majlis pengajian yang dikendalikan oleh al-Niẓām al-Siramī dan al-Syams bin al-Dīrī seorang ulama daripada mazhab Hanafi. Kemudian Al-Majd al-Barmāwī dan al-Syams al-^cIrāqī ulama daripada mazhab Syafi'i. Seferusnya majlis pengajian al-Syihāb Aḥmad al-Maghrāwī, ulama daripada mazhab Maliki. Begitu juga majlis pengajian al-Kamāl al-Dumayrī, al-Syihab bin al-^cImād dan al-Badr al-Tabandī dan lain-lain lagi.⁵¹

f. Hasil Karyanya

Al-Imām al-Maḥallī banyak menghasilkan karya ilmiah dalam berbagai bidang. Antaranya seperti yang berikut :

1. *Mukhtaṣar al-Tanbīh oleh al-Syirazī* dalam bidang *Fiqh* Syafi'i
2. *Syarḥ Jam' al-Jawāmi' oleh al-Subkī* dalam bidang *Uṣūl al-Fiqh*
3. *Syarḥ Tashīl al-Fawā'id wa Takmil al-Maqāṣid* oleh Ibn Mālik dalam bidang Nahu.
4. *Syarḥ al-Syamsiyyah* dalam bidang Mantiq (tidak lengkap).⁵²
5. *Syarḥ al-Minhāj* dalam bidang *Fiqh*.
6. *Syarḥ al-Waraqāt* dalam bidang *Uṣūl*.

⁴⁹ *Ibid.*, h. 303

⁵⁰ al-Sakhāwī (t.t.). *op.cit.*, h. 39-40.

⁵¹ *Ibid.* h. 40.

⁵² Kahhālāh (t.t.), *op.cit.*, h. 312

2.2.2 Riwayat Hidup Al-Imām al-Suyuti.

Al-Imām Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī adalah antara tokoh ulama yang cukup terkenal terutama dalam bidang tafsir dan *Ulūm al-Qur'ān*. Beliau juga disenaraikan sebagai salah seorang penghafaz dan periwayat hadith Rasulullah S.A.W. Selain daripada itu, kehebatannya turut terserlah dalam bidang *Fiqh* sebagai salah seorang ahli *Fiqh* terulung. Berdasarkan kepada penguasaannya dalam bidang-bidang ilmu tersebut, lalu beliau digelar sebagai *al-Imām al-Mufasssir*, *al-Imām al-Ḥāfiẓ* dan *al-Imām al-Faqīh*.

Al-Imām al-Suyūṭī tidaklah gah dalam bidang keagamaan sahaja, malah tidak kurang juga masyhurnya dalam bidang-bidang lain, seperti bahasa Arab dan sejarah. Dalam kedua-dua bidang ini beliau juga turut mendapat tempat sebagai pakar rujuk.

Yang demikian terbukti apabila beliau menghasilkan karya-karya yang unggul dalam bidang berkenaan. Sebagai contoh; dalam bidang bahasa Arab, lahir kitab-kitab: *al-Mazhar*, *al-Iqtirāḥ*, *Ḥam' al-Hawāmī'* dan *al-Asyḇāḥ wa al-Nazā'ir*. Sementara dalam bidang sejarah pula, muncul kitab-kitab *Ṭabaqāt* dan *Tarājim* yang terkenal seperti *Ṭabaqat al-Mufasssirīn*, *Ṭabaqāt al-Ḥuffāẓ*, *Ḥusn al-Muḥāḍarah*, *Tārīkh al-Khulafā'*, *Kawkab al-Rawḍah* dan *Nazm al-ʿUqyān fī Aʿyān al-Aʿyān*.

Di atas pencapaian tersebut, maka beliau dianggap sebagai tokoh dan pakar sejarah pada zamannya, bahkan berada di tempat kedua di antara sejarawan Mesir selepas al-Maqrizī.⁵⁶

a. Nama Penuh dan Keturunannya.

Nama penuhnya al-Ḥāfiẓ ‘Abd al-Raḥmān bin al-Kamāl Abī Bakr bin Muḥammad bin Sābiq al-Dīn bin al-Fakhr ‘Uthmān bin Nāẓir al-Dīn al-Ḥammam al-Khuḍayrī al-Asyyūṭī.⁵⁷ Sementara dalam *Muʿjam al-Muʿallifīn*, pengarangnya menambah lagi bahawa beliau adalah *al-Ṭulūnī al-Miṣrī al-Syaṣī*.⁵⁸ Gelarannya Jalāl al-Dīn, manakala kunyahnya pula Abū al-Faḍl.⁵⁹

Beliau sendiri pernah menyebut dalam tulisannya bahawa dia berasal daripada keturunan ‘*Ajam*. Katanya : “Aku telah diceritakan oleh orang yang aku percayai bahawa beliau pernah mendengar bapaku menyebut bahawa datuknya teratas daripada orang ‘*Ajam* dan berasal dari timur.”⁶⁰

Al-Imām al-Suyūṭī seterusnya menjelaskan kedudukan keturunannya dengan berkata: “Bahawa datukku teratas adalah Hamām al-Dīn merupakan seorang *ahli ḥaqīqat* dan salah seorang *Sayykh al-Ṭarīqah*. Sementara yang lain-lainnya terdiri daripada orang-orang kenamaan dan berkedudukan tinggi dalam

⁵⁶ Muṣṭafā al-Syak‘ah (1981), *Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī*. Kaherah: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. *Muqaddimah al-Mu‘allif*.

⁵⁷ al-Suyūṭī (1968), *Ḥusn al-Muḥāḍarah fī Ṭārīkh Miṣr wa al-Qāhirah*, J.1. Kaherah : Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, h. 335.

⁵⁸ Kahhālāh (t.t.). *op.cit.*, j. 5, h. 128.

⁵⁹ *Ibid*.

⁶⁰ al-Suyūṭī (1968). *op.cit.*, h. 336.

pemerintahan dan ada juga yang menjadi ahli perniagaan. Hanya bapak sahaja setahuku yang menceburkan diri dalam dunia ilmu dan akademik.”⁶¹

b. Kelahiran dan Latar Belakang Keluarganya.

Al-Imām al-Suyūṭī dilahirkan di Maḥallah Suyūṭ. Kaherah selepas waktu maghrib malam Ahad bulan Rejab tahun 849 H.⁶² Beliau dibesarkan dalam keadaan yatim setelah bapanya meninggal dunia pada malam Isnin 5 haribulan Safar tahun 855H,⁶³ iaitu semasa beliau berusia 5 tahun 7 bulan.⁶⁴

Bapanya Abū Bakr bin Muḥammad bin Sābiq al-Dīn terkenal dengan gelaran Kamāl al-Dīn, juga dilahirkan di kota Asyūṭ pada awal kurun kesembilan Hijrah. Kemudian meninggal dunia dalam usia lebih daripada 50 tahun dan beliau adalah seorang *al-ʿallāmah* dalam berbagai ilmu serta dianggap sebagai *Abū al-Manāqib*.⁶⁵

Semasa berusia dua puluhan, bapanya pernah memegang jawatan sebagai kadi di Asyūṭ. Tetapi tidak berapa lama kemudian melepaskan jawatannya lalu berpindah ke Kaherah. Di sana beliau berguru dengan Syaykh al-Ghayāṭī dalam bidang-bidang *Fiqh*, *Uṣūl*, *Ilmu Kalam*, *Naḥw*, *Frāb*, *Manṭiq* dan *Maʿānī*. Akhirnya beliau telah diijazahkan untuk mengajar yang ketika itu umur beliau masih belum genap 29 tahun.

⁶¹ *Ibid.* h. 335.

⁶² Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (t.t.), *al-Jāmiʿ al-Ṣaghir fī Aḥādīth al-Basyir wa al-Nadhīr*. Kaherah : Dār al-Fikr, h. Muqaddimah.

⁶³ al-Suyūṭī (t.t.), *Naẓm al-ʿUqyān fī Aʿyan al-Aʿyān*, h. 95

⁶⁴ Ibn ʿImād (1351H), *op.cit.*, h. 52.

⁶⁵ al-Suyūṭī (t.t.). *Bughyah al-Wiʿat fī Ṭabaqāt al-Lughawīyyin wa al-Nuhāt*. j. 1, Beirut : Dār al-Maʿrifah, h. 472.

Bapa al-Suyūṭī juga turut mengikuti pengajaran daripada Syaykh al-Islām al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar tentang ilmu *al-Hadīth*. Mempelajari al-Qur'an dan tajwidnya daripada Syaykh al-Jaylanī. Akhirnya beliau mengajar *Fiqh* di *al-Jāmi' al-Syaykhūkhī*⁶⁶ dan menyampaikan khutbah Jumaat di Jāmi' Aḥmad bin Ṭūlūn serta pernah mengimami al-Khalīfah al-Mustakfi dalam sembahyang.

Bapa al-Suyūṭī telah meninggalkan hasil karya dalam bidang-bidang *Fiqh*, *Nahu* dan *Taṣrīf*, antaranya seperti yang berikut :

1. *Ḥāsiyyah 'alā Syarḥ al-Alfiyyah*
2. *Kitāb fī al-Qirā'āt*
3. *Ta'liq 'alā al-Irsyād li Ibn al-Muqrī*
4. *Ḥāsiyyah 'alā Adāb al-Qaḍā' li al-Ghazzī*
5. *Kitāb fī Ṣinā'ah al-Tawqī'*.⁶⁶

Demikianlah latar belakang keluarga al-Imām al-Suyūṭī yang cukup mulia dengan ketinggian ilmu dan kehebatan peribadi. Suasana dan persekitaran inilah yang mempengaruhi perkembangan hidupnya dalam mengikuti jejak-jejak bapa dan datuknya sehingga muncul sebagai tokoh ulama pada zamannya.

⁶⁶ al-Suyūṭī (1968). *op.cit.*, h. 188

c. **Sejarah Pendidikan Al-Suyūṭī Dan Pengembaraannya Dalam Mencari Ilmu.**

Dalam menelusuri liku-liku sejarah pendidikan dan pengembaraannya dalam menuntut ilmu, saya rasa ada baiknya kita mengikuti catatan biografinya sendiri dalam kitabnya terkenal “*Husn al-Muḥāḍarah fi Tārīkh Miṣr wa al-Qāhirah*”

Di sana beliau menulis, katanya: “Semasa hidup, aku dibawa oleh ayahku kepada al-Syaykh Muḥammad al-Majzub, beliau adalah salah seorang wali besar yang tinggal bersebelahan dengan al-Masyhad al-Nafisī. Kemudian beliau mendoakan keberkatan untukku.”

“Selepas itu aku dibesarkan dalam keadaan yatim. Aku telah selesai menghafaz al-Qur’an dalam usia belum genap lapan tahun, kemudian menghafaz pula kitab *al-ʿUmdah, Minhaj al-Fiqh wa al-Uṣūl* dan *Alfiyyah Ibn Mālik*. Aku mulai mendalami ilmu pada awal tahun 864 H. Aku belajar ilmu *Fiqh* dan Nahu daripada banyak guru. Belajar pula ilmu *Farāʾiḍ* daripada ulama besar ketika itu iaitu al-Syaykh Syihāb al-Dīn al-Syarmasāḥī yang dikatakan umurnya melebihi seratus tahun. Aku bacakan kepadanya kitab *Syarḥ al-Majmūʿ*, kemudian beliau mengijazahkan aku boleh mengajar bahasa Arab pada awal tahun 866 H.”

“Pada tahun ini aku mulai menulis. Perkara pertama yang aku tulis adalah berkenaan *Syarḥ al-Istīʿāzah wa al-Basmalah*. Kemudian aku bentangkannya kepada guru kami Syaykh al-Islām ʿAlām al-Dīn al-Bulqinī, lalu beliau menulis

pujian atasnya. Aku terus belajar ilmu *Fiqh* daripadanya sehingga dia meninggal dunia. Selepas itu aku terus belajar pula kepada anak lelakinya sehingga akhirnya beliau mengijazahkan aku mengajar dan memberi fatwa mulai tahun 876 H.”

“Apabila beliau meninggal pada tahun 878 H, aku berguru pula kepada Syaykh al-Islām Syaraf al-Dīn al-Munāwī beberapa ilmu termasuk *Tafsīr al-Bayḍawī*. Aku belajar hadith dan ilmu bahasa Arab kepada al-Imām al-^cAllāmah Taqīyy al-Dīn al-Syiblī al-Ḥanafī selama empat tahun. Kemudian aku belajar pula kepada al-^cAllamah Ustādh al-Wujūd Muḥy al-Dīn al-Kāfiyāji selama empat belas tahun. Beberapa ilmu aku pelajari daripadanya termasuk *Tafsir*, *al-Uṣūl*, *bahasa Arab*, *al-Ma^cāni* dan lain-lain. Akhirnya beliau menulis ijazah besar untukku.”

Selain daripada itu, aku menghadiri pengajaran al-Syaykh Sayf al-Dīn al-Ḥanafī dalam beberapa ilmu. Aku pernah mengembara ke negeri-negeri Syam, Hijaz (Makkah), Yaman, India, Moroco dan Takrūr.

Semasa aku menunaikan ibadat haji, aku minum air zamzam dengan niat beberapa tujuan, antaranya supaya mencapai darjat al-Syaykh Sirāj al-Dīn al-Bulqīnī dalam bidang *Fiqh*, dan mencapai darjat al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar dalam bidang hadis. Akhirnya, aku dikurniakan ilmu secara mendalam dalam tujuh bidang ilmu iaitu *Tafsīr*, *Ḥadīth*, *Fiqh*, *Naḥu*, *al-Ma^cāni*, *al-Bayān* dan *al-Badī^c*.⁶⁷

⁶⁷ *Ibid.* h. 336-338

d. Guru-Guru Al-Imām al-Suyūṭī

Al-Imām al-Suyūṭī sendiri menghitung bilangan guru-gurunya lebih kurang 150 orang. Di antara mereka yang termasyhur adalah seperti yang berikut :

1. al-Syaykh Syihāb al-Dīn al-Syarmasahī
2. Jalāl al-Dīn al-Maḥallī
3. °Alām al-Dīn Ṣāliḥ bin Sirāj al-Dīn °Umar bin Ruslan al-Bulqinī
4. Taqiyy al-Dīn al-Syumūnnī
5. Muḥy al-Dīn al-Kaḥḥājī
6. °Abd al-Qādir bin Abī al-Qāsim bin °Abd al-Muḥṭī al-Sa°dī al-°Ubbādī
7. Zayn al-Dīn al-°Uqba
8. Al-Hāfiẓ Ibn. Ḥajar
9. Syams al-Dīn al-Sirāmī
10. Syams al-Dīn al-Mirzabani al-Ḥanafī
11. Syaraf al-Dīn al-Munawī
12. Sayf al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Ḥanafī
13. Al-°Izz Aḥmad bin Ibrāhīm al-Kinānī
14. Majd al-Dīn Ismā°īl bin al-Sibā°
15. °Izz al-Dīn °Abd al-Azīz bin Muḥammad al-Miqātī
16. Muḥammad bin Ibrāhīm al-Diwānī
17. Taqiyy al-Dīn al-Haskafī
18. Syams al-Dīn al-Bābī
19. Taqiyy al-Dīn al-Syīblī al-Ḥanafī
20. Ja°far bin Ibrāhīm

21. Al-Imām al-Faqīh °Izz al-Dīn °Abd al-°Azīz bin °Abd al-Wahīd al-Takrūrī al-Syafī°
22. Al-Ḥāfiẓ Abū al-Faḍl Muḥammad bin Muḥammad al-Hāsyimī

Demikianlah sebahagian daripada guru-guru al-Imām al-Suyūṭī yang masyhur daripada kalangan ulama lelaki. Selain daripada itu, tidak kurang pula guru-guru beliau daripada kalangan ulama wanita (*al-Syaykhāt*). Mereka ini terdiri daripada para penghafaz hadis (*al-Huffāẓ*). Merekalah yang menjadi sebahagian daripada sumber ambilan hadis-hadis oleh Imam al-Suyūṭī, baik secara langsung atau *musyāfahah*, mahu pun secara bacakan kepadanya. Antara mereka yang masyhur adalah seperti yang berikut :

1. Umm al-Faḍl bint Muḥammad al-Maqdisī
2. Umm Hāni' bint al-Hūraynī
3. Umm al-Faḍl bint Muḥammad al-Miṣriyyah
4. Khadījah bint Abī al-Ḥasan bin al-Mulaqqin
5. Fāṭimah bint °Alī bin al-Yāsir
6. Nasywan bint °Abd Allāh al-Kinānī
7. Ḥajar bint Muḥammad al-Miṣriyyah
8. Ḥajar bint Muḥammad al-Maqdisī
9. Amat al-Khaliq bint °Abd al-Laṭīf al-°Uqbā - Umm al-Khayr
10. Kamāliyah bint Muḥammad bin Abī Bakr al-Mirjanī
11. Amat al-°Azīz bint Muḥammad al-Anbasī.

Menurut al-Dawūdī iaitu salah seorang murid al-Imām al-Suyūṭī, ketika dia menulis sejarah hidup para guru al-Suyūṭī, bahawa guru-guru al-Imām al-Suyūṭī yang dikira dia belajar dengannya baik secara ijazah, bacaan mahupun mendengarnya adalah seramai 51 orang.⁶⁸

e. Situasi Politik Semasa Hidup al-Imām al-Suyūṭī

Al-Imām al-Suyūṭī didapati tidak melibatkan diri dalam kancah politik negara pada masa itu, dan sememangnya tidak patut bagi seorang ulama seperti beliau melibatkan diri dalam politik yang sempit skopnya. Lebih-lebih lagi apabila para penguasa dan sultan yang memerintah pada ketika itu sanggup membelinya dengan wang dan harta. Sesungguhnya al-Imām al-Suyūṭī bukan sahaja tidak terlibat dalam arena politik, malah sama sekali tidak mahu bercampur gaul dengan para sultan yang berkuasa.⁶⁹

Para pengkaji mendapati bahawa seramai tiga belas orang sultan silih berganti menaiki takhta pemerintahan Negeri Mesir sepanjang hayat al-Imām al-Suyūṭī selama lebih kurang 62 tahun itu.

Seperti mana telah maklum bahawa al-Imām al-Suyūṭī dilahirkan pada tahun 849 H dan meninggal dunia pada tahun 911H. Dalam tempoh itu, al-Imām al-Suyūṭī sempat berada dalam pemerintahan al-Malik al-Zāhir Jaqmaq yang menaiki takhta mulai tahun 842 H hingga 857 H. Sultan inilah antara yang paling lama memerintah daripada kalangan *al-Mamālīk al-Jarāḳisah* iaitu selama lima

⁶⁸ Ibn ʿImād (t.t.). *op.cit.*, h. 52-53

⁶⁹ al-Syakʿah (1981). *op.cit.*, h. 43

belas tahun. Kemudian naik pula ke takhta pemerintahan, al-Sultān al-Asyraf Qayitbay al-Maḥmūdī mulai bulan Rejab tahun 872 H sehingga tahun 901 H iaitu selama tiga belas tahun. Selepas itu diganti pula oleh al-Sultān Qanṣuwah al-Ghūrī yang memerintah pertama kalinya selama tujuh bulan setengah, iaitu mulai bulan Rabiulawal tahun 904 H hingga bulan Zulhijjah tahun 905 H. Tidak lama kemudian, sekali lagi baginda berjaya menduduki takhta pemerintahan selama enam belas tahun, iaitu mulai bulan Syawal tahun 906 H sehingga baginda terkorban dalam peperangan *Marj Dābī*⁷⁰ semasa memimpin angkatan tenteranya. Baginda adalah sultan yang paling lama memerintah dalam kehidupan al-Imām al-Suyūṭī.⁷⁰

Demikianlah tiga orang sultan yang agak lama memerintah, sementara yang lainnya masing-masing hanya sempat berada di atas takhta pemerintahan sekitar dua bulan sahaja. Antara mereka itu adalah sebagai berikut:

1. Al-Manṣūr ʿUthmān bin al-Zāhir Jaqmaq memerintah selama sebulan setengah.
2. Aḥmad al-Muʾayyid bin al-Asyraf Īnāl al-ʿAlāʾī memerintah tidak lebih daripada lima bulan.
3. Qayitbay al-ʿAlāʾī yang digelar *al-Zāhir* memerintah selama dua bulan.

⁷⁰ *Ibid*, h. 44

4. Tamr Baghā juga digelar *al-Zāhir* memerintah tak sampai dua bulan.⁷¹

Demikianlah sedikit gambaran tentang situasi politik negara sepanjang hayat al-Suyūṭī. Memang tidak dapat dinafikan bahawa keadaan politik yang tidak stabil dalam sesebuah negara itu turut mempengaruhi kehidupan rakyatnya. Antara golongan rakyat yang menerima kesannya yang agak besar adalah golongan para ulama dan tentunya termasuk tokoh kita al-Imām al-Suyūṭī sendiri.

Barangkali kegawatan politik seperti itu merupakan salah satu faktor positif bagi kehidupan dan perkembangan ilmu pengetahuan al-Imām al-Suyūṭī. Justeru kerana itulah yang mendorong beliau untuk mengasingkan diri daripada masyarakat umum dan mengurung diri dalam rumah selama dua puluh dua tahun. Dalam tempoh itu, beliau menghasilkan karya-karya ilmiahnya yang cukup banyak dan bermutu sebagai warisan kepada generasi mendatang.

Namun begitu, selama tempoh lima tahun terakhir daripada hayatnya beliau sempat berada di bawah pemerintahan seorang raja yang baik dan adil iaitu al-Malik al-ʿAzīm al-Ghūrī yang menaiki takhta pemerintahan melalui pemilihan para ulama Mesir. Baginda dikenali sebagai seorang raja yang baik, cintakan ilmu serta kasihkan para ulama. Semasa pemerintahan baginda lahirnya berbagai majlis pengajian yang masyhur di sana sini.⁷²

⁷¹ *Ibid.*

⁷² *Ibid.*

f. Kemajuan Ilmu Pengetahuan Semasa Hidup Al-Suyūṭī.

Walaupun situasi politik negara pada masa itu dilanda pelbagai kegawatan dan keporak-perandaan, namun daripada segi perkembangan ilmu pengetahuan berlaku sebaliknya. Buktinya, sebilangan besar tokoh ulama terkenal muncul pada masa itu dalam berbagai bidang ilmu dengan karya-karya mereka yang masyhur. Antara mereka itu seperti yang disenaraikan oleh al-Suyūṭī sendiri nama-nama daripada kalangan guru-gurunya sebelum ini.

Di antara tokoh ulama terkemuka lain yang hidup sekurun dengan Al-Suyūṭī adalah sebagai yang berikut :

1. Al-^ʿAllāmah Majd al-Dīn bin al-Fayrūz Ābādī [729 H.-816 H].⁷³
Beliau hidup selama 87 tahun dan antara hasil karyanya yang masyhur ialah *al-Wajīz fī Laṭāʾif al-Kitāb al-ʿAzīz* dalam bidang al-Qurʾan, *Tashīl al-Wuṣūl ʾilā al-Aḥādīth al-Zāʾidah ʿalā Jāmiʿ al-Uṣūl* dalam bidang al-Hadīth, *al-Isʿād ʾilā Rutbah al-Ijtihād* dalam bidang *Fiqh*, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ* dalam bidang bahasa Arab dan *Tabaqāt al-Ḥanafīyyah*.
2. Muḥammad bin Abī Bakr al-Maʿrūf bi ʿIzz al-Dīn bin Jamāʿah [759 H.-819 H]. Beliau juga terkenal pakar dalam beberapa bidang ilmu pada zamannya dan banyak menghasilkan karya-karya dalam bidang *ʿUlūm al-Qurʾān*, *Al-Ḥadīth*, *Fiqh*, *Naṭṭ*, sejarah, sirah dan Perubatan.

⁷³ Nama lengkapnya: Muḥammad bin Yaʿqūb bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Syīrazī al-Fayrūz Ābādī yang pernah mengembara ke negeri-negeri Syam, Mesir, Turki, India dan Yaman.

3. Abū al-^ʿAbbās al-Qalqasyandī [756 H-821 H]. Beliau adalah seorang ulama Mesir dan tuan punya karya terkenal dalam bidang sastra Arab, sejarah, politik dan kesan purba. Antara karyanya; *Subḥ al-A^ʿsya fi Šindāḥ al-Insyā'* yang ditulis dalam 14 jilid.
4. Taqiyy al-Dīn Aḥmad bin ^ʿAlī al-Maqrīzī [766 H.-845 H]. Beliau terkenal dengan hasil karya dalam bidang sejarah iaitu *Al-Mawā'iz wa al-Ftibār bi Zikr al-Khuṭāf wa al-Athār* dan *al-Sulūk fī Ma^ʿrifah Duwal al-Mulūk*.
5. Syaykh al-Islam Syihāb al-Dīn Aḥmad bin ^ʿAlī bin Ḥajar al-^ʿAsqalani [773H.-852H]. Antara hasil karyanya yang terkenal ialah *Tahzīb al-Tahzīb* (12 jilid), *Lisān al-Mẓān* (6 jilid), *al-Durar al-Kāminah fī A^ʿyan al-Mi'ah al-Thāminah* (5 jilid) dan *al-Iṣābah fī Tamyīz al-Ṣaḥābah* (4 jilid). *Fath al-Bārī bisyarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (17 jilid).
6. Jamāl al-Dīn Abū al-Muḥasin Yūsuf bin Taghrī Bardī [813H.-874H]. Salah seorang sejarawan yang terkenal dengan hasil karyanya *al-Nujūm al-Zāhirah fī Mulūk Miṣr wa al-Qāhirah* (12 jilid), *al-Zakhīr fī 'Ilm al-Awa'il wa al-Awakhir* dan *Ḥawādith al-Duhūr fī Madā al-Ayyām wa al- Syuhūr*.
7. Syams al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Raḥmān al-Sakhāwī [831 - 902 H]. Beliau adalah seorang ulama besar yang meninggalkan hasil karyanya lebih kurang 200 buah dan beliau juga di antara musuh ketat Imam al-Suyuti. Antara karyanya yang masyhur iaitu *al-Ḍaw' al-Lāmi^ʿ fī A^ʿyān al-Qarn al-Tāsi^ʿ* (12 jilid).⁷⁴

⁷⁴ al-Syak^ʿah (1981). *op.cit.*, h. 49

Demikianlah sebahagian daripada barisan para ulama terkemuka serta dengan hasil karya mereka yang agung semasa hidup al-Suyūṭī. Dengan itu jelas terbukti bahawa mendung yang menyelubungi dunia politik Mesir pada ketika itu sama sekali tidak memadamkan sinar ilmu para ulama pada zamannya.

g. Penentang Al-Imām al-Suyūṭī

Al-Imām al-Suyūṭī sebagai salah seorang tokoh ulama terkenal pada zamannya telah banyak meninggalkan hasil karya yang bermutu dalam pelbagai bidang ilmu, tentunya boleh menjadi suatu kebanggaan bagi dirinya. Justeru kita mendapati ramai sahabatnya apatah lagi murid-muridnya yang menyatakan pujian dan sanjungan terhadapnya. Namun begitu, sebagai manusia biasa beliau juga tidak terlepas dan sunyi daripada kritikan-kritikan para ulama sezaman dengannya, malahan ada yang melemparkan berbagai tuduhan dan kecaman terhadap peribadi, idea pemikiran dan buku-buku tulisannya.

Antara mereka itu adalah seperti yang berikut :

1. Aḥmad bin al-Ḥasan al-Makkī al-Maʿarūf bi Ibn al-ʿAlīf
2. Aḥmad bin Muḥammad al-Qaṣṭalānī⁷⁵
3. Burhān al-Dīn bin al-Kurkī⁷⁶
4. Syams al-Dīn al-Sakhāwī⁷⁷
5. Syams al-Dīn al-Jujārī
6. Syams al-Dīn al-Bānī

⁷⁵ Nama penuhnya : Aḥmad bin Muḥammad bin Abī Bakr al-Qutaybī al-Syāfiʿī, dilahirkan di Kaherah pada tahun 851 H dan meninggal tahun 923 H.

⁷⁶ Nama penuhnya : Ibrāhīm bin ʿAbd al-Raḥmān bin Ismāʿīl, kunyahnya Abū al-Wafā' dan laqabnya Burhān al-Dīn atau Ibn al-Kurkī. Beliau meninggal tahun 922 H.

⁷⁷ Nama penuhnya: Muḥammad bin ʿAbd al-Raḥmān bin Abī Bakr bin Uthmān bin Muḥammad. Gelaran al-Sakhāwī adalah dinisbahkan kepada suatu daerah yang bernama Sakhā di Kaherah. Beliau dilahirkan di Kaherah pada tahun 831 H dan meninggal di Makkah pada tahun 902 H.

h. Hasil Karya Al-Imām al-Suyūṭī

Sumbangan Al-Imām al-Suyūṭī dalam dunia ilmu amat sukar ditandingi baik daripada segi isi kandungan dan mutu karyanya mahu pun segi banyak bilangan buku yang dihasilkannya. Menurut Dr. Muṣṭafā al-Syak^h, salah seorang penyelidik tentang hasil karyanya, bahawa karya-karya al-Imām al-Suyūṭī yang banyak itu boleh dikategorikan kepada tujuh bidang utama, iaitu *Ulūm al-Qur'ān dan Tafsīr*, *al-Hadīth al-Nabawī*, *Al-Fiqh*, *al-Ulūm al-ʿArabiyyah*, *al-Tārīkh wa al-Ṭabaqāt*, *al-Ādāb* dan kumpulan judul yang bermacam-macam.

Berikut disenaraikan nama-nama buku hasil karya beliau berdasarkan bidang-bidang ilmu di atas, iaitu :

Pertama: ʿUlūm al-Qur'ān dan al-Tafsīr

1. *Al-Alfiyyah fī al-Qirā'at al-ʿAsyr*
2. *Al-Azhār al-Fātiḥah' ila al-Fātiḥah*
3. *Al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma'thūr*
4. *Ḥāsiyyah ʿalā Tafsīr al-Bayḍawī*
5. *Al-Itqān fī Ulūm al-Qur'ān*
6. *Al-Iklīl fī Intinbāṭ al-Tanzīl*⁷⁸
7. *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl*
8. *Mutasyābih al-Qur'ān*

⁷⁸ *Ibid.* j. 1, h. 144

9. *Al-Madhhab fī ma Waqa' a fī al-Qur'ān min al-Mu'arrab*
10. *Mufhamāt al-Aqrān fī Mubhamāt al-Qur'ān*
11. *Mu'tarak al-Aqrān fī Musytarak al-Qur'ān*
12. *Majma' al-Baḥrayn wa Maḥla' al-Badrayn fī al-Tafsīr*
13. *Mafātīḥ al-Ghayb fī al-Tafsīr*
14. *Tafsīr al-Jalālayn*⁷⁹
15. *Al-Taḥbīr li 'Ulūm al-Tafsīr*⁸⁰
16. *Tarjumān al-Qur'ān fī al-Tafsīr*
17. *Ṭabaqāt al-Mufasssīm*
18. *Tanāsūq al-Durār fī Tanāsub al-Suwar*
19. *Al-Radd 'alā man Akhlad fī al-'Arḍ*

Kedua: Ḥadīth dan 'Ulūm al-Ḥadīth

1. *Al-Aḥādīth al-Munḥafah*
2. *Al-Aḥādīth al-Ḥissān fī Faḍl al-Ṭaylasān*
3. *Al-Azhār al-Mutanāthirah fī al-Akhhār al-Mutawātirah*
4. *Al-Alfiyah fī Muṣṭalah al-Ḥadīth*
5. *Ādāb al-Futyā*
6. *Asmā' al-Mudallisīn*
7. *Isāf al-Mubaṭṭ' fī Rijāl al-Muwaffā'*
8. *Al-Baḥr alladhi Zakhar fī Syarḥ Alfiyah al-Āthār*

⁷⁹ Muṣṭafā bin 'Abd Allāh yang dikenali dengan nama Ḥājī Khalīfah (1990), *Kasyf al-Zunūn 'an Asāmi al-Kutub wa al-Funūn*. j. 3, Beirut: Dār al-Fikr, h. 304.

⁸⁰ *Ibid.*, j. 3, h. 230.

9. *Tanwīr al-Hawālik fī Syarḥ Muwaṭṭā' al-Imām Mālik*
10. *Al-Taḥqīq al-Anḡḡah 'ala Musnad Abī Hanḡḡah*
11. *Tadhkirah al-Mu'tasi fī man Haddath wa Nasiya*
12. *Tadrīb al-Rāwi fī Syarḥ Taqrīb al-Nawawī*
13. *Al-Tadhnīb fī al-Zawā'id 'alā al-Taqrīb*
14. *Tuhfah al-Nabīh bi Talkhīs al-Mutasyābih*
15. *Al-Ta'rif bi Ādāb al-Ta'līf*
16. *Al-Ta'zīm wa al-Mannah fī ann Abaway al-Rasūl fī al-Jannah*
17. *Al-Tanbi'ah biman Yab'athuh Allāh 'ala Ra's Kull Mi'ah*
18. *Taqrīb al-Gharīb*
19. *Jam' al-Jawām' atau al-Jamī' al-Kabīr*
20. *Al-Jāmi' al-Saghīr fī Aḡādīth al-Basyīr al-Nadhīr*
21. *Jiyād al-Musalsalāt*
22. *Ḥātīb Layl wa Jarīf Sayl*
23. *Al-Khaṣā'is wa al-Mu'jizāt al-Nabawīyyah*
24. *Al-Khaṣā'is al-Kubrā*
25. *Al-Durar al-Muntathirah fī al-Aḡādīth al-Musytahirah*
26. *Al-Dībāj 'alā Saḡīḡ Muslim bin al-Hajjāj*
27. *Dhayl al-Jāmi' al-Saghīr*
28. *Dhayl Tabaqāt al-Huffaz li al-Dhahabī*
29. *Al-Rawd al-Anīq fī Musnad al-Siddīq*
30. *Al-Rawd al-Mukallil wa al-Wird al-Mu'allil fī al-Muṣṡalah*
31. *Zahr al-Rubā 'alā al-Mujtabā fī Syarḡ Sunan al-Nasa'ī*
32. *Zawā'id al-Rijāl 'alā Tahdhīb al-Kamāl*
33. *Zād al-Masīr fī al-Fahraṡ al-Ṣaghīr*

34. *Sihām al-Iṣābah fī al-Da‘awat al-Mustajābah*
35. *Syadd al-Riḥāl fī Dabṭ al-Rijāl*
36. *Ṭabaqāt al-Ḥuffāz*
37. *‘Uqūd al-Zabarjad ‘alā Musnad Al-Imām Aḥmad*
38. *Al-Farīq bayn al-Mu‘llif wa al-Sariq*
39. *Al-Fatasy ‘ala al-Qasyasy*
40. *Qaṭr al-Durār*
41. *Qut al-Mughtadhī ‘alā Jami’ al-Bukhārī*
42. *Al-Kalīm al-Tayb wa al-Qawl al-Muthtār fī al-Ma‘thūr min al-Da‘awāt wa al-Adhkār*
43. *Kasyf al-Talbīs ‘an Qalb Ahl al-Tadlīs*
44. *Lubb al-Lubāb fī Tahrīr al-Ansāb*
45. *Lubāb al-Ḥadīth*
46. *Al-Lumma fī Asmā’ man wada’*
47. *Al-La‘ali’ al-Maṣnu‘ah fī al-Aḥādīth al-Mawḍū‘ah*
48. *Mirqāt al-Su‘ūd ila Sunan Abī Dawūd*
49. *Miṣbāḥ al-Zujāj fī Syarḥ Sunan Ibn Mājah*
50. *Al-Muntaqā min al-Adāb al-Mufrad li al-Bukhārī*
51. *Al-Muntaqā min Sya’b al-Imān li al-Bayhaqī*
52. *Al-Muntaqā min Mustadrak al-Ḥākim*
53. *Al-Mudrij ‘alā al-Mudraj*
54. *Al-Muntaqā (Mu‘jam Ṣaghīr fī Syuyukhih)*
55. *Miftāḥ al-Jannah fī al-Ḥtišām bi al-Sunnah*
56. *Al-Maṣābīḥ fī Ṣalāt al-Tarāwih*
57. *Manāhil al-Ṣafā fī Takhrīj Aḥādīth al-Syafa*

58. *Ma Rawah al-Asāfin fī Adam al-Majī' ila al-Salātin*

59. *Al-Musalsalāt al-Kubrā*

60. *Muntahā al-Amal fī Ḥadīth "Innamā al-A^cmāl..*

61. *Al-Munjim fī al-Mu^cjam*

62. *Nasyr al-Abī^c fī Takhrīj Aḥādīth al-Syarḥ al-Kabīr*

63. *Naijāh al-Fikr fī al-Jahr bī al-Dhakīr*

Ketiga : *Al-Fiqh*

1. *Al-Asybah wa al-Nazā'ir fī Fiqh Al-Imām al-Syaḡfī*

2. *Al-Azhār al-Ghuddah fī Fiqh al-Rawḡah*

3. *Adāb al-Futya / al-Fatwā*

4. *Ilqām al-Hajr li man Sibab Abī Bakr wa Umar*

5. *Al-Inṣāf fī Tamyīz al-Awqāf*

6. *Al-Istinṣār bi al-Wahīd al-Qahhār*

7. *Al-wiyah al-Naṣr fī Khasisi bi al-Qasr*

8. *Bulghah al-Muhtāj fī Manāsik al-Ḥajj*

9. *Tasyrif al-Asmā' bi Masā'il al-Ijmā'*

10. *Tabyīḡ al-Saḡīfah fī Manāqib Abī Ḥanīfah*

11. *Tazyin al-Mamālik bi Manāqib Malik*

12. *Al-Tanbi'ah bi man Yab^cathuh Allah^c alā Ra's kull Mi'ah*

13. *Tanzīh al-Anbiya'^c an Tasfih al-Aghbiyā'*

14. *Tadhkirah Uli al-Albāb*

15. *Al-Ta^crīf bi Āḡab al-Ta'līf*

16. *Tanwīr al-Halak fī Imkān Ru'yah al-Nabī wa al-Malak*

17. *Tulḥfah al-Mujtahidīn fī Asmā' al-Mujaddidīn*
18. *Al-Ta'zīm wa al-Mannah fī ann Abaway al-Muṣṭafā fī al-Jannah*
19. *Jazīl al-Mawāhib fī Ikhtilāf al-Madhāhib*
20. *Al-Jahr bi man' al-Burūz' ila al-Nahr*
21. *Al-Jawab al-Zakiy 'an Qumamah bin al-Kurkī*
22. *Al-Jāmi' fī al-Farā'id*
23. *Al-Hāwi fī al-Fatāwā*
24. *Al-Habl al-Wathīq fī Nuṣrah al-Ṣidīq*
25. *Al-Dawrān al-Falaki fī al-Radd 'ala al-Sakhāwī*
26. *Al-Rawḍ al-Arīḍ fī Ṭuhr al-Maḥīḍ*
27. *Al-Radd 'ala man Akhlād fī al-Ard wa Jahil ann al-Ijtihad fī kull Aṣr Farḍ*
28. *Al-Risālah al-Mustansariyyah*
29. *Al-Ṣārim al-Hindī fī Unūq Ibn al-Kurkī*
30. *Ṭabaqāt al-Fuqahā' al-Syāfi'iyah*
31. *Ṭarz al-Imāmah fī al-Tafriqah bayn al-Maqāmah wa al-Qimāmah*
32. *Al-Farīq bayn al-Mu'allif wa al-Sarīq*
33. *Al-Fatāsy 'alā al-Qasyasy*
34. *Al-Qawl al-Masyriq fī Taḥrīm al-Isytighāl bi al-Mantiq*
35. *Al-Lawāmi' wa al-Bawāriq fī al-Jawāmi' wa al-Fawāriq*
36. *Mukhtaṣar al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah li al-Mawardī*
37. *Miftāḥ al-Jannah fī al-I'tisām bi al-Sunnah*
38. *Masālik al-Hanfa*
39. *Al-Yanbu' fī ma Zad 'alā al-Rawdah min al-Furū'*
40. *Al-Yad al-Busta fī al-Salaḥ al-Wuṣṭā*

Keempat: Bahasa Arab

1. *Al-Akhhbār al-Marwiyyah fī Sabāb Waḍʿ al-ʿArabiyyah*
2. *Al-Asybah wa al-Nazāʾir fī al-Lughah*
3. *Al-Bahjah al-Marḍiyyah fī Syarḥ Alfīyah Ibn Mālik*
4. *Durr al-Tāj fī Iʿrāb Musykil*
5. *Al-Farīdah fī al-Naḥw wa al-Taṣrif wa al-Khaṭ*
6. *Al-Faṭḥ al-Qarīb ʿalā Mughnī al-Labīb*
7. *Faṭḥ al-Jalī li al-ʿAbd al-Dhalī*
8. *Hamʿ al-Hawāmī fī Syarḥ Jamʿ al-Jawāmīʿ*
9. *Ḥurūf al-Hijāʾ*
10. *Al-Iqtirah fī Uṣūl al-Naḥw*
11. *Jamʿ al-Jawāmīʿ*
12. *Al-Jamʿ wa al-Tafrīq fī Syarḥ*
13. *Kutub al-Iqrān fī Katb al-Qurʾān*
14. *Lamʿah al-Isyrāq fī al-Isytiqāq*
15. *Al-Maʿānī al-Daḡīqah fī Idrāk al-Ḥaḡīqah*
16. *Al-Muhadhdhab fī ma warad fī al-Qurʾān min al-Muʿrab*
17. *Mawḍiʿ al-Mutanāthirah fī Kitāb al-Kanz al-Madfūn*
18. *Al-Masaʿid al-ʿĀliyah fī al-Qawāʿid al-Naḥwiyyah*
19. *Al-Musyih fī ʿIlm al-Naḥw*
20. *Al-Mazhar fī al-Lughah*
21. *Al-Nukat ʿalā al-Alfiyyah wa al-Kāfiyyah wa al-Syāfiyyah wa al-Syudhūr wa al-Nuzhah*
22. *Al-Naẓm al-Badīʿ fī Madhhab al-Syāfiʿ*

23. *Risālah fī ʿIlm al-Khaṭ*
24. *Syarḥ al-Qāṣidah al-Kāfiyah fī al-Taṣrīf*
25. *Syarḥ al-Taṣrīf li Ibn Mālik*
26. *Al-Sayf al-Saqīl fī Hawāsyi Ibn ʿAqīl*
27. *Al-Silsilah*
28. *Taʿrīf al-ʿJam bi Hurūf al-Muʿjam*
29. *Taḥqīq al-Taḍīn*
30. *Al-Tawṣyih ʿalā al-Tawḍīḥ*

Kelima: Tārikh

1. *Al-Asās fī Faḍl Banī al-ʿAbbās*
2. *Husn al-Muḥāḍarah fī Akhbār Miṣr wa al-Qāhirah*
3. *Jāmiʿ Amru bin al-ʿAṣ*
4. *Jāmiʿ Ibn Ṭūlūn*
5. *Kitāb al-ʿUmr*
6. *Al-Kāwī fī al-Radd ʿalā al-Sakhāwī*
7. *Al-Munā fī al-Kunā*
8. *Ma Rawah al-Wāʿūn fī Akhbār al-Jāʿun*
9. *Rafʿ Ilbas ʿan Banī al-ʿAbbās*
10. *Al-Syamarikh fī ʿIlm al-Tārikh*
11. *Tārīkh al-Khulafāʾ Umarāʾ al-Muʾminīn*
12. *Tārīkh al-Asyūʿ (Al-Maḍbūʿ fī Akhbār Asyūʿ)*
13. *Tuḥfah al-Zurfāʾ fī Asmāʾ al-Khulafāʾ*

14. *Tuḥfah al-Muzākarah fī Muntaqā min Tārikh Ibn ʿAṣākir*
15. *Tārikh al-Mālik al-Asyrāf Qayitbay*

Keenam: Tarājum dan Ṭabaqāt

1. *ʿAyn al-Iṣābah fī Maʿrifah al-Ṣaḥābah*
2. *Asmā' al-Mudallisīn*
3. *Bughyah al-Wūʿah fī Ṭabaqāt al-Nuhāt*
4. *Durr al-Ṣaḥābah fī man Dakhal Miṣr min al-Ṣaḥābah*
5. *Dhayl Ṭabaqāt al-Ḥuffaz li al-Dhahabī*
6. *Ḥilyah al-Awliyā'*
7. *Ḥātib Layl wa Jarīf Sayl*
8. *Al-Intiṣār bi al-Wāḥid al-Qaḥḥār*
9. *Isʿaf al-Mubatta' bi Rijāl al-Muwatta'*
10. *Kasyf al-Niqāb ʿan al-Alqāb*
11. *Al-Munjam fī al-Muʿjam*
12. *Man waḥaqāt kunyatuh kunyah zawjatih min al-Ṣaḥābah*
13. *Al-Muntaqā*
14. *Masālik al-Hanfa*
15. *Al-Maqāmah al-Mazhariyyah*
16. *Al-Mutaqit min al-Durār al-Kāminah*
17. *Mukhtaṣar Tahdhib al-Asmā' li al-Nawawī*
18. *Al-Maqāmah al-Lu'lu'iyah*
19. *Naẓm al-ʿUqyān fī Aʿyān al-Aʿyān*

20. *Nuzūl al-Raḥmah fī al-Tahadduth bi al-Ni'mah*
21. *Riḥ al-Nisrīn fī man °Asyā min al-Ṣaḥābah Mi'ah wa °Isyrīn*
22. *Risālah al-Tanfīs fī al-I °tidhār °an Tark al-Futya wa al-Tadrīs*
23. *Al-Riḥlah al-Fayūmiyyah*
24. *Al-Riḥlah al-Dimyāṭiyyah*
25. *Ṭabaqāt al-Ḥuffaz*
26. *Tuḥfah al-Mujtahidīn fī Asmā' al-Mujaddidīn*
27. *Ṭabaqāt al-Mufasssīrīn*
28. *Ṭabaqāt al-Fuqahā' al-Syāfi'iyah*
29. *Ṭabaqāt al-Muḥaddithīn*
30. *Ṭabaqāt al-Uṣūliyyīn*
31. *Ṭabaqāt al-Kuttab*
32. *Ṭabaqāt Syu°arā' al-°Arab*
33. *Tabyīd al-Ṣaḥīfah bi Manāqib Al-Imām Abī Ḥanīfah*
34. *Tazyīn al-Mamālik bi Manāqib Al-Imām Mālik*
35. *Turjamah al-Nawawī*
36. *Turjamah al-Bulqinī*
37. *Al-Tanbi'ah bi man Yab°athuh Allah °ala Ra's kull Mi'ah*
38. *Zād al-Masīr fī al-Fahrast al-Saghīr*
39. *Zawā'id al-Rijāl °ala Tahdhīb al-Kamāl*

Keenam : Sastera Arab Dan Sejarahnya

1. *Al-Arj fī al-Farj*
2. *Al-Adhkār fīma °Aqadahu al-Syu°ara' min al-Āthār*

3. *Bahjah al-Khāṭir wa Nuzhah al-Nāzir*
4. *Al-Badī' fī Madh Khayr Syāfi'*
5. *Al-Badī' iyyah fī Madh al-Rasūl*
6. *Tuḥfah al-Majālis wa Nuzhah al-Majālis*
7. *Dīwān al-Hayawān*
8. *Durār al-Kalīm wa Ghurār al-Ḥikam*
9. *Dīwān Syāfirih*
10. *Rasf al-Alfī Wasf al-Hilāl*
11. *Rasyf al-Zilāl min al-Siḥr al-Halāl*
12. *Kunh al-Murād fī banāt Su'ad*
13. *Al-Kanz al-Madfūn wa al-Fulk al-Masyhūn*
14. *Qam' al-Ma'ārid fī Nuṣrah Ibn al-Farīd*
15. *Musytaha al-'Uqūl fī Muntaha al-Nuqūl*
16. *Manhal al-Latayif fī al-Kanāfah wa al-Qatayif*
17. *Al-Manqah al-Zarif fī al-Mawsyah al-Syarif*
18. *Al-Wasā'il fī Ma'rifah al-Awā'il*

Selain daripada itu, al-Imām al-Suyūṭī banyak pula menulis tentang isu-isu tertentu dalam bidang-bidang seumpama bidang perubatan, tasawwuf, pengharaman ilmu mantiq, hubungan para ilmuan dengan pemerintah, fatwa-fatwa dan menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan kepadanya.

Antara buku-buku yang dihasilkannya dalam isu-isu yang tertentu adalah sebagai yang berikut :

Bidang Taṣawwuf :

1. *Al-Khabar al-Dāl[°] alā Wujūd al-Quṭub wa al-Awtād wa al-Nujbā wa al-Abdāl*
2. *Al-Ma[°]ānī al-Daqīqah fī Idrāk al-Haqīqah*
3. *Ta'yīd al-Haqīqah al-[°]Āliyyah wa Tasyyīd al-Tarīqah al-Syadhaliyyah*
4. *Qam[°] al-Ma'ārid fī Nuṣrah Ibn al-Farīd*
5. *Tanbi'ah al-Ghāby ilā Tabri'ah Ibn al-[°]Arabī*

Tentang Isu Pengharaman Ilmu Mantīq

1. *Al-Qawl al-Musyriq fī Taḥrīm al-Isytighāl bi al-Manṭiq*
2. *Ṣawn al-Manṭiq wa al-Kalām[°] an Fann al-Manṭiq wa al-Kalām*
3. *Juhd al-Qarīḥah fī Tajdīd al-Naṣīḥah*

Setelah diselidiki secara mendalam tentang kreativiti al-Imām al-Suyūṭī dalam dunia penulisan, dapatlah disimpulkan bahawa beliau adalah di antara tokoh ulama yang banyak menghasilkan karyanya dalam pelbagai bidang ilmu.

Menurut Karl Brockelmann salah seorang orientalis terkenal bahawa bilangan kitab-kitab yang ditulis al-Imām al-Suyūṭī menjangkau 415 buah, sementara Plogle pula mengatakan berjumlah 560 buah, manakala Ibn Iyās salah seorang murid al-Imām al-Suyūṭī sendiri mengatakan bahawa ia mencapai jumlah 600 buah kitab.⁸¹

⁸¹ al-Syak'ah (1981). *op. cit.*, h. 143.

i. Kematiannya

Al-Imām al-Suyūṭī meninggal dunia pada 19 Jamadilawal tahun 911 H di rumahnya di Rawḍah al-Miqyās, kemudian dikebumikan di Ḥūsy Qūṣūn di luar Bab al-Qarāfah,⁸² iaitu sebuah tanah perkuburan yang tertelak di kaki sebuah bukit di Kaherah, Mesir.⁸³

⁸² Syaykh Jād al-Ḥaqq °Alī Jad al-Ḥaqq, *Maʿal al-Imām Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī*, AL-AZHAR, j. 11, tahun 1993, h. 1662.

⁸³ *al-Munjid fī al-Lughah wa al-Aʿlām*(1988), c.30, Beirut: Dār al-Masyriq, h.434.